



ROSMAH MANSOR beramah mesra dengan Iman Najihah Zainol Azhar dan pelajar Permata Insan yang memenangi pingat emas, perak dan gangsa dalam pertandingan *Long Term Project Level 1 & 2* sempena *World Creativity Festival 2015* di Seri Perdana, Putrajaya, semalam. - BERNAMA

Permata meterai empat MoU, tiga terma rujukan

PUTRAJAYA 26 Okt. - Bahagian Program Permata Negara (Permata) Jabatan Perdana Menteri hari ini menandatangani empat memorandum persefahaman (MoU) dan tiga terma rujukan bersama agensi-agensi pelaksana dalam bidang akademik, penyelidikan dan perkhidmatan.

Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor berkata, MoU tersebut bertujuan mengukuhkan kerjasama untuk menggalakkan perkembangan kanak-kanak dan memupuk bakat mereka dalam bidang berkaitan.

Beliau berkata, objektif terma rujukan menggariskan skop pelaksanaan program Permata dengan pihak terlibat untuk meningkatkan lagi kecemerlangan program Permata.

"Empat pihak yang terlibat dengan MoU ialah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM), manakala terma rujukan melibatkan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah serta Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN).

"Jalinan kerjasama ini juga diyakini akan menggalakkan agensi-

agensi pelaksana menambah nilai program Permata melalui penglibatan lebih ramai pakar yang berkemahiran dan berpengalaman," katanya ketika berucap dalam Majlis Menandatangani MoU dan Terma Rujukan Bahagian Permata Jabatan Perdana Menteri dengan Agensi Pelaksana di sini hari ini.

Rosmah merangkap penaung program Permata berkata, kerjasama strategik tersebut dapat mengoptimalkan penggunaan sumber manusia secara cekap dan berkesan dan langkah tersebut selaras dengan pelaksanaan strategik lautan biru yang telah diperkenalkan oleh kerajaan.

"Saya yakin kita akan dapat menggiatkan lagi kerjasama bagi menyediakan peluang terbaik kepada anak-anak, pelajar dan remaja. Insya-Allah kerjasama yang terjalin ini akan memacu usaha semua pihak untuk membantu Permata menjadi platform kecemerlangan kepada mereka yang terlibat.

"Saya juga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah bersama-sama memberikan input dalam menyediakan dokumen MoU dan terma rujukan ini," katanya.

Dalam pada itu, beliau turut

mendoakan agar program Permata akan sentiasa bergerak ke hadapan bagi merancakkan bidang kerjasama yang sedia ada di samping mencari peluang menjana aktiviti baharu dalam usaha memartabatkan ilmu pengetahuan.

Sementara itu, dalam perkembangan lain, Rosmah turut memaklumkan mengenai kejayaan pelajar Program Permata Insan merangkul satu emas, satu perak dan dua gangsa dalam pertandingan *Long Term Project 1 & 2* sempena *World Creativity Festival (WCF) 2015* yang diadakan di Daejeon, Korea Selatan baru-baru ini.

"Dalam pertandingan itu, pelajar Program Permata Insan mengalahkan peserta dari Taiwan, Arab Saudi, China, Korea Selatan dan Indonesia bagi meraih pingat emas, antara pandangan juri ialah penyelidikan yang dibuat peserta Malaysia adalah satu-satunya yang mengintegrasikan penyelidikan dengan elemen agama," katanya.

WCF merupakan acara tahunan yang menyediakan platform kepada pelajar seluruh dunia untuk mempertandingkan hasil penyelidikan masing-masing yang berkaitan dengan kemampuan dan kreativiti dalam menyelesaikan masalah.

Gantung keahlian 'anai-anai' perosak parti

KUALA LUMPUR 26 Okt. - Barisan kepimpinan UMNO perlu bertindak tegas dengan menggantung keahlian 'anai-anai' dalam parti yang dilihat hanya akan menrencatkan perjuangan dalam mendaulatkan agama, bangsa dan negara.

Ketua UMNO Bahagian Seputeh, Datuk Mustapa Kamal Mohd. Yusoff berkata, tindakan menggantung keahlian bukan bertujuan untuk menghukum secara keras sebaliknya dijadikan teladan dan pengajaran kepada ahli-ahli UMNO.

Menurut beliau, sikap gantung dalam lipatan atau api dalam sekam perlu dihapuskan tanpa berlengah kerana timbang parti yang selama ini kukuh memerintah, bakal terpalit lumpur kerana sikap gelintir ahli.

"Bagaimana sebuah kapal ahlu berlayar menuju

MoU



Membangun dan menambah baik tiga inisiatif Bahagian Permata iaitu Pusat Permata Pintar Negara, Pusat Pemerkasaan Remaja dan Hospital Kanak-Kanak Permata.



Meningkatkan jalinan dalam bidang akademik dan penyelidikan untuk penyelidikan dan pembangunan program pendidikan awal kanak-kanak.



Meningkatkan jalinan dalam bidang akademik dan penyelidikan berkaitan pendidikan kanak-kanak Islam pintar dan berbakat menerusi Program Permata Insan.



Meningkatkan jalinan dalam bidang akademik dan penyelidikan berkaitan keperluan Program Latihan dan Pembangunan Profesional Pendidik untuk Permata Negara yang dilaksanakan di UPM dalam pendidikan awal kanak-kanak.

TERMA RUJUKAN

KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN
Kerjasama melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dan Istana Budaya untuk menggariskan skop penglibatan dalam Program Permata Seni.

KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH
Kerjasama ini menggariskan skop penglibatan dan kerjasama berkenaan pelaksanaan Program Permata Negara iaitu dengan pelaksanaan Taska Permata Kemas

JPNIN
Kerjasama untuk menggariskan skop penglibatan dan kerjasama berkenaan pelaksanaan Program Permata Negara iaitu dengan pelaksanaan Taska Permata Perpaduan.